

BAB 4

PROGRAM ISLAMISASI DAN REAKSI MASYARAKAT

Program Islamisasi Zia ul Haq diumumkan pada tahun 1978 selepas pengambil alihan kuasa dari PPP. Pada Disember 1978 melalui ucapannya yang bertajuk ‘Measure to Inforce *Nizam-i-Islam* (Sistem Nabi Muhammad), Zia mengumumkan bahawa program Islamisasi ini dimulakannya sempena tahun baru Islam yang akan membawa arus perubahan besar dalam penerapan nilai-nilai Islam di Pakistan. Program Islamisasi ini awalnya hanyalah sekadar penerapan nilai keislaman yang akhirnya telah dijadikan undang-undang pada Februari 1979 (bersamaan 12 Zulhijjah) sempena sambutan hari kelahiran Nabi Muhamad s.a.w. Pendekatan Zia ul Haq ini lebih merupakan pendekatan Islam tradisi yang meletakkan Islam sebagai satu ‘cara hidup’ yang meliputi kehidupan individu maupun berkumpulan.²⁰¹

Program Islamisasi yang dilaksanakan oleh Presiden Zia ul Haq meliputi badan-badan birokrasi dan badan perundangan seperti mahkamah *syariah*, Majlis Agama Islam (CII), badan perwakilan undang-undang dan *Majlis-i-Shura*. Jawatankuasa sentiasa dibentuk untuk menangani isu-isu tertentu dan ahli jawatankuasa pula dilantik daripada kalangan ahli birokrat, pegawai tinggi badan kewangan, ahli ekonomi, badan-badan perindustrian, *ulama*, dan juga para sarjana.²⁰²

²⁰¹ John L. Esposito, “Pakistan : Quest for Islamic Identity”, hlm. 153.

²⁰² Kemal A. Faruki, “Pakistan : Islamic Government and Society”, hlm. 58.

Program Islamisasi

Zia ul Haq merupakan pemimpin pertama Pakistan yang cuba mengembalikan kegemilangan tamadun Islam di benua Asia Selatan setelah kegagalan pemimpin sebelumnya menegakkan panji-panji Islam. Semasa pemerintahannya, beliau menumpukan kepada program-program Islamisasi yang sebelum ini tidak diendahkan berbanding pembangunan ekonomi dan politik negara sedangkan ideologi Islam itulah yang menjadi asas penubuhan Pakistan. Beliau telah cuba membawa pelbagai reformasi dalam ekonomi, politik, dan sosial negara Pakistan. Malahan, beliau sendiri beranggapan kejayaannya bertahan selama 11 tahun dalam kepimpinan adalah kerana kehendak Allah s.w.t. Ini jelas melalui kata-kata beliau :

“I have been kept in power so long by the grace of Allah who has appointed me to carry out his task of making Pakistan a truly Islamic country.”²⁰³

Program Islamisasi yang dijalankan oleh Zia ul Haq merangkumi reformasi perundangan, pengimplementasian Kod Hukuman Islam, aktiviti ekonomi, polisi pendidikan baru, dan perubahan sosiobudaya dalam masyarakat Pakistan. Setiap program yang dijalankan oleh beliau ini secara langsung mempengaruhi kehidupan penduduknya berbanding dengan pendekatan Islam yang dibawa sebelum ini. Program Islamisasi yang diketengahkan amat menekankan kepada teori dan sekaligus amalannya dalam masyarakat. Keadaan ini sedikit sebanyak telah menimbulkan reaksi tempatan sama ada negatif mahupun positif.

²⁰³ Christina Lamb, Waiting For Allah : Pakistan's Struggle for Democracy, hlm. 44.

Sistem Undang-undang

Melalui reformasi badan perundangan, Zia ul Haq telah memperkenalkan peraturan Islam yang baru. Antaranya, penubuhan semula Majlis Penasihat Agama Islam dan pengenalan Undang-Undang Jenayah Syariah pada tahun 1979 yang memperkenalkan Ordinan Hudud berdasarkan ajaran al-Quran.²⁰⁴ Selepas memperkenalkan Undang-Undang Jenayah Syariah, Zia ul Haq telah mengumumkan Kod Jenayah Pakistan bagi kesalahan membunuh iaitu *Qisas* atau prinsip ‘nyawa untuk nyawa dan mata untuk mata’ dan *Diyat* atau ‘hutang darah’.²⁰⁵

Pada tahun 1979 melalui ‘Presidential Order 3’, telah membawa kepada penubuhan cawangan kerusi hakim *syariah* di empat mahkamah tinggi wilayah. Cawangan *syariah* ini mempunyai kuasa untuk membatalkan semua undang-undang yang bertentangan dengan ajaran Islam bermula dari tarikh ia diadili oleh mahkamah tinggi. Pada Mei 1981, cawangan *syariah* ini digantikan dengan Mahkamah Syariah Persekutuan yang telah meletakkan *ulama* sebagai hakim. Namun, dari Mei 1980 hingga Mei 1981, mahkamah ini hanyalah bertindak sebagai badan penasihat dan tidak pernah membatalkan sebarang undang-undang yang bertentangan dengan ajaran Islam.²⁰⁶ Di samping itu juga, mahkamah ini menimbulkan kontroversi apabila membubarkan kenyataan Zia yang menyatakan parti politik adalah bukan Islam dan

²⁰⁴ Kesalahan minum arak dikenakan hukuman 80 sebatan, direjam dengan batu sehingga mati untuk kesalahan berzina, hukuman potong tangan kiri dan kaki kiri bagi kesalahan mencuri serta pendakwaan palsu ke atas kesalahan berzina sebanyak 80 sebatan.

²⁰⁵ Ian Talbot, Pakistan : A Modern History, hlm. 276-277.

²⁰⁶ Mahkamah Syariah Persekutuan pada 29 Jun 1982 telah menjatuhkan hukuman potong tangan terhadap Ghulam Ali kerana kesalahan mencuri jam loceng dari Masjid Okara. Merupakan satunya hukuman yang pernah dilaksanakan oleh mahkamah ini sepanjang penubuhannya.

kenyataan bahawa hukuman rejam sampai mati seperti yang terkandung dalam Ordinan Hudud tidak bersifat Islam.²⁰⁷

Pada tahun 1984, Zia ul Haq telah menubuhkan Mahkamah *Qazi* yang dijalankan berdasarkan *syariat* Islam dan bertindak seperti mahkamah tradisi dan hakimnya dilantik daripada kalangan *ulama* yang memiliki ijazah *sanad* (madrasah). Menurut Ian Talbot, terlalu banyak mahkamah yang ditubuhkan di Pakistan berbanding terlalu sedikit keadilan yang diperolehi. Kes yang dibawa ke mahkamah pula mengambil masa yang lama untuk diselesaikan dan seringkali petisyen yang diutarakan terlalu remeh. Kekurangan pemahaman terhadap undang-undang Islam adalah faktor utama yang menyumbang kepada kelemahan sistem perundangan mahkamah ini.²⁰⁸

Di bawah kepimpinan Zia ul Haq juga, individu yang memberikan banyak komitmen kepada peraturan Islam dan bergabung dengan parti agama seperti A. K. Brohi (Menteri Undang-undang dan Hubungan Agama), Khurshid Ahmad (Timbalan Pengurus Misi Perancangan), Mahmud Azam Faruqi (Menteri Penerangan) dan Ghafoor Ahmad (Menteri Perdagangan) dilantik menjawat jawatan kerajaan. Ketigatiga tokoh yang terakhir ini adalah ahli tetap *Jamaat-i-Islami*.²⁰⁹

²⁰⁷ Ian Talbot, *Pakistan : A Modern History*, hlm. 273.

²⁰⁸ Ibid, hlm. 274.

²⁰⁹ John L Esposito, "Pakistan : Quest for Islamic Identity", hlm. 152.

Ekonomi

Program Islamisasi yang dilancarkan oleh Zia ul Haq telah memperkenalkan bentuk percuakan Islam melalui Ordinan *Zakat* dan *Ushr* pada 20 Jun 1980 serta penghapusan faedah bank (*riba*). *Zakat* merupakan kutipan sebanyak 2.5% setahun ke atas modal, pendapatan, akaun simpanan, pelbagai deposit bank, unit harta, simpanan kerajaan, saham dan debentur perniagaan, anuiti, polisi insuran nyawa, dan tabungan. Hasil kutipan yang diperolehi ini diagihkan untuk golongan yang kurang upaya, tidak berkemampuan, dan pertubuhan agama. *Ushr* pula adalah zakat pertanian yang diwajibkan sebanyak 5% kadarnya daripada pengeluaran hasil pertanian. Pada tahun pertama *ushr* diperkenalkan, Pakistan telah mengumpulkan sebanyak Rs 22.5 juta (\$1.66 juta).²¹⁰ Pengenalan penghapusan faedah bank (*riba*) juga telah menarik minat tiga institusi kewangan negara yang ditubuhkan pada tahun 1979 seperti ‘National Investment Trust, Investment Corporation of Pakistan, dan The Small Business Finance Coorperation’.

Sebagai seorang pemimpin Islam, Zia ul Haq begitu menitik beratkan pengimplementasian *zakat* dan *ushr*. Kenyataan ini dipetik daripada ucapannya iaitu ;

“*Zakat* and *ushr* – pillar of the Islamic economic system...presented formidable obstacle, among them : a determination of the income that these Islamic taxes would generate, what percentage of the nation’s needs this would meet, and what other taxes might be required. With regard to *ushr* in particular the existing revenue system will have to be revolutionized in order to introduce the system”²¹¹

²¹⁰ Kemal A. Faruki, “Pakistan : Islamic Government and Society”, hlm. 65.

²¹¹ John L Esposito, “Pakistan : Quest for Islamic Identity”, hlm. 154.

Pada Februari 1979, Tabung Zakat ditubuhkan melalui bantuan kewangan dari Saudi Arabia dan Emiriah Arab Bersatu. Tabung Zakat ini ditubuhkan dengan fungsi mengutip dan mengeluarkan *zakat* serta *ushr* di peringkat tempatan, wilayah, dan persekutuan.²¹² Walaupun pengutipan *zakat* dijadualkan pada 1 Julai 1979 dan *ushr* pada Oktober 1979 tetapi, sehingga Mei 1980 ia masih belum dilaksanakan.²¹³ Pada 22 Oktober 1983, Ghulam Ishaq Khan yang merupakan menteri kewangan kerajaan mengumumkan kenyataan yang dikeluarkan oleh *Majlis-i-Syura* pada 10 Ogos 1983, bahawa sejumlah Rs 3,222 juta (US \$238.7 juta) telah dikumpulkan melalui kutipan *zakat*.²¹⁴

Dalam mengkaji struktur ekonomi Pakistan beberapa tahun era kepimpinan Zia, ia telah menunjukkan kelemahan yang sedikit sebanyak menggugat kerajaan pimpinan beliau. Selain pengenalan ekonomi Islam melalui *zakat* dan *ushr*, tiada lagi reformasi ekonomi Islam yang dijalankan oleh beliau. Semasa pemerintahan Zia, belanjawan dan pelaburan negara datang daripada sumber-sumber seperti pendapatan eksport, penghantaran pulang wang rakyat Pakistan yang bekerja di luar negara,²¹⁵ bantuan luar, simpanan peribadi, dan cukai.²¹⁶ Tumpuan Zia yang berlebihan ke atas pembangunan pertahanan menyebabkan sejumlah 2/3 daripada sumber ini digunakan

²¹² Ibid.

²¹³ *Zakat* dan *Ushr* telah mendapat tentangan daripada penduduk Islam bermazhab Syiah yang mendakwa ia diambil daripada undang-undang masyarakat Islam Sunnah yang berbeza dengan mereka. Pengenalan kedua-duanya ditangguhkan sehingga tahun fiskal 1982-1983.

²¹⁴ Kemal A. Faruki, "Pakistan : Islamic Government and Society", hlm. 63.

²¹⁵ Semasa 1970-an dan 1980-an, separuh daripada migrasi penduduk Pakistan bekerja di negara Tehuk yang datangnya dari daerah Punjab. Pada tahun 1979, pekerja-pekerja ini telah mengirim wang kepada keluarga mereka di Pakistan lebih kurang sejumlah Rs 30,000 setahun.

²¹⁶ Jumlah cukai yang diperolehi oleh kerajaan Pakistan dalam tahun fiskal 1982-1983 sebanyak Rs 44.3 bilion. Daripada jumlah ini lebih daripada 80% adalah dikutip daripada cukai tidak langsung termasuklah elektrik, gas, pengangkutan, dan cukai ke atas keluarga yang ahlinya lima orang atau lebih yang dikenakan bayaran sebanyak Rs 2530 setahun. Sejumlah 40% daripadanya diperolehi dari cukai komoditi seperti gula, simen, kerosin, dan *ghee*.

untuk pertahanan dan pertadbiran yang akhirnya menyebabkan pembangunan ekonomi terabai.²¹⁷

Menurut Christina Lamb, pertambahan pendapatan negara di antara tahun 1977 hingga 1978 dan tahun 1985 hingga 1986 bukanlah hasil daripada reformasi ekonomi yang dijalankan oleh kerajaan tetapi kerana penghantaran pulang wang oleh rakyat Pakistan yang bekerja di luar negara. Penghantaran sebanyak US \$25 bilion itu menyebabkan Keluaran Negara Kasar Pakistan bertambah sebanyak 76% dan pendapatan perkapita meningkat kepada 34%.²¹⁸

Semasa pemerintahan Zia ul Haq ternyata beliau lebih menumpukan kepada pembangunan pertahanan berbanding sosioekonomi dan budaya penduduknya. Ini dibuktikan melalui laporan-laporan belanjawan yang dikeluarkan sepanjang tempoh pemerintahan beliau di Pakistan. Antaranya, belanjawan pertahanan pada tahun 1970 hingga tahun 1971 sebanyak Rs 3.2 bilion telah mengalami peningkatan sebanyak Rs 19.5 bilion pada tahun 1981 hingga 1982, dan daripada jumlah ini tidak termasuk bantuan yang diterima dari Amerika Syarikat dan Arab Saudi. Belanjawan sivil kerajaan persekutuan pada tahun 1970 hingga tahun 1971 adalah sebanyak Rs 56 juta dan dalam tahun 1981 hingga 1982 meningkat kepada Rs 5.5 bilion. Dikatakan sebanyak 13% daripada jumlah ini juga bukanlah bertujuan untuk pembangunan kerajaan.²¹⁹

²¹⁷ Muhamad Asghar Khan, General in Politics : Pakistan 1958-1982, hlm. 186.

²¹⁸ Ian Talbot, Pakistan : A Modern History, hlm. 247.

²¹⁹ Muhamad Asghar Khan, General in Politics : Pakistan 1958-1982, hlm. 183.

Belanjawan kerajaan Pakistan pada tahun 1970 hingga 1971 pula menyaksikan peruntukan sebanyak 46% sahaja disumbangkan untuk pembangunan pendidikan, kesihatan, dan perumahan. Sejumlah 1.5% (Rs 656.1 juta) disalurkan untuk pembangunan pendidikan, kesihatan sebanyak 0.5% (Rs 201.8 juta), dan perumahan sebanyak 0.2% (Rs 93 juta) manakala, yang selebihnya iaitu sejumlah 54 % dikhaskan kepada pembangunan pertahanan. Pada tahun 1980 hingga 1981, daripada sejumlah Rs 58.58 bilion (US \$5.8 bilion), peruntukan yang disediakan untuk pendidikan adalah sebanyak 6.3% (Rs 3.72 bilion), kesihatan 1.6% (Rs 937.2 juta), perumahan sejumlah 0.3% (Rs 165 juta), dan selebihnya untuk pertahanan.²²⁰

Selain menghadapi ketidakseimbangan belanjawan dalam pembangunan ekonomi negara, Zia ul Haq juga berhadapan dengan kritikan terhadap wujudnya amalan rasuah dalam kerajaan dan pemerintahan beliau. Ini dinilai apabila belanjawan kerajaan pada tahun 1976 hingga 1977 yang hanya sejumlah Rs 9.8 bilion telah meningkat kepada Rs 25 bilion pada tahun 1981 hingga 1982 sedangkan keadaan ekonomi negara semakin menunjukkan kemerosotan.²²¹

Pakistan juga terpaksa berhadapan dengan hutang luar yang semakin bertambah disebabkan keperluan membangunkan pertahanan negara. Hutang luar Pakistan sehingga tahun 1977 adalah sejumlah US \$6.3 bilion dan meningkat pada tahun 1981 sebanyak US \$13 bilion.²²² Jumlah hutang luar atas ekonomi dan ketenteraan sehingga tahun 1981 adalah sebanyak US \$16 bilion (US \$13 bilion untuk ekonomi dan US \$3 bilion untuk tentera). Jumlah hutang tahunan pula bertambah

²²⁰ Ibid, hlm. 184.

²²¹ Ibid, hlm. 160.

²²² Sejumlah US \$3.2 bilion adalah daripada bantuan Amerika Syarikat, US \$1.17 bilion daripada Konsortium dan pinjaman IMF sebanyak US \$1.7 bilion.

tanpa penyelesaian kerana pendapatan eksport Pakistan hanyalah US \$2.9 bilion berbanding sejumlah 69 % bantuan pinjaman yang diterima oleh Pakistan sejak tahun 1980 hingga 1981. Dikatakan kanak-kanak Pakistan yang dilahirkan sekarang berkongsi hutang negara sebanyak Rs 2000 seorang.²²³

Pembaharuan ekonomi Zia ul Haq menurut Asghar Khan dalam bukunya *General in Politics : Pakistan 1958-1982*, telah mengembalikan Pakistan ke awal tahun 1960-an apabila hanya 22 keluarga mendominasi perniagaan dan perdagangan negara yang menyebabkan wujudnya jurang perbezaan di antara penduduk kaya dan miskin.²²⁴ Analisa ekonomi yang dikeluarkan pada tahun 1988, menunjukkan pendapatan bandar dan luar bandar lebih merosot berbanding tahun-tahun 1960-an. Kelompok keluarga ini telah mendominasi sejumlah 2/3kekayaan negara dengan milikan sebanyak 66% ke atas sektor industri, 97% pelaburan insuran, dan 80% milikan dalam institusi perbankan negara.²²⁵ Pengurusan pinjaman yang nyatanya menjaga kelompok tertentu telah menyerlahkan kelemahan pentadbiran negara pimpinan Zia. Misalnya, dengan pelaburan yang kecil iaitu di antara Rs 200-300 ribu, pinjaman telah dikeluarkan melebihi beribu juta Rupee daripada wang rakyat di bank kerajaan sebagai pinjaman kepada kelompok keluarga yang ada hubungan dengan golongan pemerintah dengan alasan untuk membangunkan sektor swasta dan industri negara.²²⁶

Berdasarkan laporan belanjawan yang dinyatakan, kepimpinan Zia ul Haq telah membawa kepada kemerosotan pembangunan ekonomi negara. Tumpuan yang

²²³ Muhammad Asghar Khan, *General in Politics : Pakistan 1958-1982*, hlm. 184

²²⁴ Ibid, hlm. 161.

²²⁵ Christina Lamb, *Waiting For Allah : Pakistan's Struggle for Democracy*, hlm. 171.

²²⁶ Muhammad Asghar Khan, *General in Politics : Pakistan 1958-1982*, hlm. 161.

berlebihan ke atas pembangunan pertahanan dan undang-undang telah menyebabkan kegagalan membawa kehidupan ekonomi yang lebih baik kepada penduduk Pakistan. Walaupun reformasi politik Islam yang diperkenalkannya telah memantapkan kedudukan Zia namun, tanpa seiring dengan pembangunan ekonomi, reformasi yang dijalankan pasti tidak dapat diterima dengan baik oleh masyarakat yang ternyata mahukan kemajuan dalam mendapatkan kehidupan yang selesa berbanding kepimpinan sebelumnya.

Pendidikan

Melalui sistem pendidikan Zia ul Haq telah menerapkan ideologi Islam dan Pakistan melalui buku teks dan kurikulum di sekolah. Pengeluaran buku teks baru dilaksanakan dengan penekanan ke atas ideologi kebangsaan Islam Pakistan dan juga penggunaan bahasa Urdu yang luas dalam bidang komunikasi elektronik seperti televisyen dan radio.²²⁷ Sebaliknya, penggunaan bahasa daerah dalam percakapan seperti Punjabi, Sindi, Pushtun, dan Baluch yang dikatakan ‘cenderung ke arah perbalahan’ dengan tegasnya tidak digalakkan.

Reformasi pendidikan telah membawa satu era baru kepada Pakistan apabila mata pelajaran Quran dan Pengajian Islam diwajibkan di peringkat pengajian asas sekolah. Begitu juga dengan Pengajian Pakistan yang diperkenalkan pada tahun 1981 sebagai mata pelajaran wajib untuk setiap pelajar ijazah. Guru-guru yang dipilih

²²⁷ John L Esposito, “Pakistan : Quest for Islamic Identity”, him. 153.

untuk setiap peringkat pembelajaran diutamakan kepada mereka yang mempunyai kelebihan dalam pengetahuan Islam.²²⁸

Pada tahun 1980, sebuah universiti tempatan pertama telah ditubuhkan dengan nama Universiti Islamabad untuk memberi ruang pendidikan tertinggi kepada penduduk Pakistan. Universiti ini bagaimanapun banyak dibiayai tabungan dan penubuhannya oleh negara pengeluar yang minyak terkenal seperti Arab Saudi. Selain itu, pada tahun 1982 Universiti Grant Commision Pakistan ditubuhkan dan universiti ini mewajibkan mata pelajaran Islam dan Pengajian Pakistan di semua peringkat pembelajaran. Malahan, pelajar profesional juga diminta untuk mengambil peperiksaan mata pelajaran ini sebagai sebahagian dari subjek pengajian mereka. Kerajaan Zia juga mewajibkan Pengajian Islam dan Pakistan ini ke atas pelajar ‘O Level’ dan ‘A Level’ melalui Lembaga London dan Cambridge. Subjek Pengajian Pakistan yang diperkenalkan itu dapat memberikan kerajaan satu kelebihan untuk mendidik bangsanya mengenal sejarah terutamanya ideologi Pakistan yang merupakan ‘perjuangan getir untuk penubuhan sebuah negara Islam dan kemerdekaan’.²²⁹ Reformasi pendidikan yang dilaksanakan seterusnya telah mengangkat martabat pengajian Bahasa Arab dan pengajian *Islamiyat* apabila Universiti Grant Commision mengeluarkan *asnad* (ijazah madrasah) untuk kedua subjek ini yang disama tarafkan dengan sijil sarjana di universiti.²³⁰

Di peringkat pendidikan rendah, kerajaan cuba mengatasi masalah pendidikan di kalangan penduduk melalui pembinaan sekolah-sekolah agama. Pada tahun 1983

²²⁸ <http://www.idsa-india.org/an-dec8-2.html>, hlm. 8.

²²⁹ <http://www.frontierpost.com.pk/art4may-15.html>, hlm. 3.

²³⁰ Ian Talbot, Pakistan : A Modern History, hlm. 279.

hingga tahun 1984 hampir 12,000 buah sekolah agama ditubuhkan dan dimasukkan ke dalamnya mata pelajaran aliran sains.²³¹

Sosiobudaya

Meninjau program Islamisasi sosiobudaya yang dilaksanakan oleh Zia ul Haq, ia menekankan kepada lima perkara rukun Islam. Pada Ogos 1984, rancangan mengetuai *namaz* (lima kali sembahyang dalam sehari) telah diumumkan oleh beliau. Rancangan ini menuntut peruntukan masa untuk menunaikan solat *Zohor* ke atas badan-badan kerajaan. Manakala, setiap pegawai tertinggi adalah digalakkan untuk mengetuai sembahyang berjemaah tersebut ataupun mewakilkannya kepada pekerja yang lain ataupun juga sekurang-kurangnya wajib untuk turut serta.²³²

Pada 16 Ogos 1984, presiden Zia ul Haq dalam ucapannya telah meminta penduduk supaya menitikberatkan sembahyang Jumaat dan sembahyang fardhu yang lain. Dalam ucapannya yang diwartakan oleh akhbar *Dawn Karachi* berbunyi ;

“Only those person are being appointed for this service of religion who have sound moral character and their piety is so exemplary that their words will have deep effect on the heart of people. The procedure for this exercise for the time being is based on persuasion and motivation and not on compulsion. But we are determined to succeed in establishing the system of prayer at all cost”.²³³

Dalam membawa idea *Nizam-i-Mustafa*, Zia ul Haq telah mengumumkan Ordinan Ramadhan pada tahun 1981 yang melarang makan, minum, dan merokok di

²³¹ Ibid.

²³² John L Esposito, “Pakistan : Quest for Islamic Identity”, hlm. 153.

²³³ Kemal A. Faruki, “Pakistan : Islamic Government and Society”, hlm. 61.

tempat awam semasa bulan Ramadhan. Kesalahan melanggar peraturan ini boleh dikenakan denda sebanyak Rs 500 atau dua bulan penjara. Selain itu, pada Ogos 1982 *Islah-i-Mu'ashra Committee* telah ditubuhkan oleh Zia dengan tujuan untuk menggalakkan penekanan nilai-nilai keislaman yang lebih padu dan menyeluruh.²³⁴

Zia ul Haq juga telah meneruskan amalan menjadikan hari Jumaat sebagai hari cuti hujung minggu menggantikan hari Ahad yang diamalkan sejak kepimpinan Zulfikar Ali Bhutto. Hari cuti ini dilaksanakan di setiap jabatan kerajaan sedangkan sektor perniagaan diberi kelonggaran untuk memilih cuti hujung minggu mereka sendiri. Bagaimanapun, undang-undang baru ini meminta semua sektor perniagaan ditutup pada waktu sembahyang Jumaat bagi membolehkan pekerja hadir ke masjid untuk sembahyang berjemaah.²³⁵

Antara reformasi sosiobudaya yang dibawa oleh Zia ul Haq seterusnya adalah mengarahkan semua dinding pejabat, kalender, dan poster yang dicetak dihiasi dengan ayat-ayat al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w. Selain itu, etika berpakaian telah diterapkan ke atas penduduk Pakistan. Pemakaian seluar panjang, seluar safari, dan tali leher dianggap sebagai bukan orang Islam. Zia menyatakan pada tahun 1981, pakaian kebangsaan adalah *shalwar*²³⁶ atau *churidar* atau *pajama* yang dipakai dengan *kamiz* atau *kurta* dengan atau tanpa kot panjang (*sherwani* atau *achkan*) yang diwajibkan ke atas semua kakitangan kerajaan.²³⁷

²³⁴ Ian Talbot, *Pakistan : A Modern History*, hlm. 272.

²³⁵ John L Esposito, "Pakistan : Quest for Islamic Identity", hlm. 153.

²³⁶ *Shalwar* (seluar yang agak besar yang banyak terdapat di Timur Tengah dan Asia Tengah). Ia dipakai oleh masyarakat Punjabi, Pathan, Sind, dan Bahuch. *Churidar* pula adalah seluar yang agak ketat dan *pajama* (seluar longgar panjang) yang dicirikan dengan pakaian pendatang dari India.

²³⁷ Kemal A. Faruki, "Pakistan : Islamic Government and Society", hlm. 59.

Program Islamisasi Zia ul Haq juga membawa satu perubahan yang besar apabila beliau memberi tumpuan kepada hak-hak asasi kaum wanita. Misalnya, ‘Women Division’ telah ditubuhkan di peringkat Kabinet dan beliau telah melantik wanita pertama dalam sejarah Pakistan sebagai Setiausaha Kabinet. Di samping itu, Jawatankuasa Status Wanita Pakistan telah ditubuhkan untuk memberi perlindungan kepada wanita yang mengalami penderaan fizikal dan mental. Ordinan Jenayah yang diwujudkan pula bertindak menjatuhkan hukuman penjara ataupun hukuman mati kepada sesiapa yang disabitkan dengan kesalahan ini.²³⁸ Walau bagaimanapun, cadangan yang diutarakan oleh ‘Ansar’s Commission’ pada tahun 1982 yang mencadangkan larangan meninggalkan negara tanpa irungan suami dan lelaki bagi yang belum berkahwin, larangan wanita memegang jawatan diplomat di luar negeri, kod berpakaian untuk menutup wanita daripada pandangan umum seperti pembaca berita, dan pramugari serta pengharaman model wanita dalam hiburan komersial telah mendapat tentangan hebat daripada golongan aktivis wanita yang mendakwa kebebasan mereka telah dicabuli.²³⁹ Pada September 1981, penentangan dilakukan oleh kaum wanita apabila mereka menghadiri mesyuarat tergempar di Karachi menentang kempen Islamisasi dan Undang-Undang Ketenteraan yang memberi kesan kepada wanita. Mereka bersuara melalui pertubuhan pergerakan wanita pertama di Pakistan yang dikenali sebagai Forum Tindakan Wanita (WAF). Mereka membuat bantahan dan kempen umum ke atas Ordinan Hudud,²⁴⁰ *Qanun-e-Shahadat* (Law of

²³⁸ Ian Talbot, *Pakistan : A Modern History*, hlm. 280-281.

²³⁹ Ibid.

²⁴⁰ Persatuan Hak-Hak Asasi Manusia Pakistan telah menetang hukuman sebat ke atas wanita seperti yang dinyatakan dalam Undang-Undang Jenayah Islam pada Ogos 1983. Dalam satu laporan, seorang wanita iaitu Lal Mai telah disebat di hadapan 5000 orang awam di Liagatpur, Bahawalpur atas kesalahan zina.

Evidence),²⁴¹ dan undang-undang *Qisas* serta *Diyat* yang kemudiannya menjadikan mereka sebagai penentang wanita terkuat terhadap Zia.²⁴²

Presiden Zia ul Haq tidak ketinggalan menjalankan Islamisasi ke atas kelompok minoriti. Presiden Zia dalam satu ucapannya pada 12 Ogos 1983, menyatakan bahawa golongan minoriti akan dilayan dengan baik dan tiada penindasan ke atas mereka ;

"In Islam, minorities are not regarded as suppressed classes, rather they are the most privileged ones. In fact in a Muslim society their rights are more than Muslim populations. In Islamic System of Government their right will be fully protected."²⁴³

Bagaimanapun, dengan pengenalan 'Pengundian Berasingan' dan adanya *Qanun-e-Shahadat* atau 'Law of Evidence' untuk kelompok minoriti telah menakutkan pemimpin-pemimpin minoriti akan kedudukan mereka.

Reaksi Masyarakat Tempatan

Pengislamisasian yang dijalankan oleh Zia ul Haq sepanjang tempoh pemerintahannya tidak dapat lari dari menyumbang kepada ketegangan antara mazhab-mazhab di Pakistan. Asasnya mazhab-mazhab (cabang) dalam Islam adalah didasari kepada empat imam utama.²⁴⁴ Perbezaan ini wujud kerana tiga sebab utama iaitu pertamanya perbezaan fahaman dan penafsiran terhadap nas-nas utama dalam al-

²⁴¹ Dakwaan kaum wanita ke atas Undang-Undang Kesaksian (Law of Evidence) yang didakwa merendahkan taraf kaum wanita di dalam memberikan testimoni kerana kelebihan mendengar testimoni lelaki.

²⁴² http://www.hrw.org/reports/1999/pakistan/Pakhtml_03.htm, hlm. 3.

²⁴³ Ian Talbot, *Pakistan : A Modern History*, hlm. 282.

²⁴⁴ Imam yang utama iaitu Hambali, Hanafi, Shafie, dan Maliki.

Quran dan al-Sunnah. Keduanya, adalah kerana hadis-hadis Nabi Muhammad s.a.w tidak berkumpul dalam satu teks dan masa Sahabat berdampingan dengan Rasulullah juga tidak sama. Alasan terakhir yang menyumbang kepada perbezaan ini adalah kerana tempat tinggal empat imam besar yang mengetuai mazhab ini berbeza ketika itu dan secara langsung kepentingan dan keperluannya juga berbeza.²⁴⁵

Sebagai sebuah negara Islam yang mengamalkan undang-undang Islam, Pakistan ternyata masih berhadapan dengan masalah perbezaan mazhab yang menimbulkan pertelingkahan agama di kalangan masyarakat Islam. Kepimpinan Zia yang lebih memihak kepada ajaran Sunnah telah menimbulkan ketidakpuasan hati di kalangan kelompok Syiah. Minoriti Syiah juga telah disingkirkan secara terang-terangan dalam pemerintahan Zia ul Haq melalui pengambilan doktrin Undang-undang Jenayah Islam dan ekonomi Islam. Antaranya melalui isu pengenaan *zakat* dan *ushr* serta penekanan undang-undang *syariah* yang kembali membawa kepada perbezaan dalam doktrin tradisi yang sedia wujud antara kedua-dua mazhab ini.

Perundangan Syiah dikenali sebagai *Figh Jafariya* dan mempunyai perbezaan dengan perundangan Sunnah yang dikenali sebagai *Syariah*. Di dalam *Figh Jafariya* yang berkenaan dengan hukuman *hudud*, seperti kesalahan mencuri kerana terdesak dan menyesali perbuatannya tidak dikenakan hukuman tetapi jika mencuri kerana pekerjaannya, hukuman akan dikenakan iaitu sekadar memotong tiga jari tangan kiri sahaja dan bukanlah keseluruhan tangan seperti yang dinyatakan dalam perundangan *syariah*. Pertembungan juga wujud dalam isu *zakat* dan *ushr* yang menurut

²⁴⁵ Sulaiman Nordin, *Islam, Al-Quran dan Ideologi Masa Kini*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995, hlm. 84.

perundangan *Figh Jafariya*, ia adalah atas dasar derma ikhlas kecuali dalam perkara penerimaan harta pusaka.²⁴⁶ Ordinan Zakat dan Ushr No. 18 yang diluluskan pada tahun 1980 yang mewajibkan *zakat* ke atas semua penduduk Islam Pakistan telah menyebabkan pengenaan tekanan yang berlarutan ke atas minoriti Syiah. Ini kerana golongan Syiah merasakan mereka dipaksa membayar *zakat* sedangkan undang-undang mereka tidak mewajibkan *zakat*.

Selain itu, kelompok Syiah juga tertekan dengan reformasi sosial dan pendidikan yang dikenakan oleh golongan Sunnah dalam mewujudkan satu keseragaman agama Islam kepada semua kanak-kanak Islam Pakistan termasuk daripada kalangan Syiah. Golongan Syiah merasa kecewa kerana identiti mereka telah dipinggirkan dalam kerajaan Zia ul Haq. Pertikaian dan persoalan yang timbul mewujudkan konflik identiti Islam Pakistan dalam penginterpretasian undang-undang Islamnya. Mazhab dan ajaran yang manakah patut membentuk asas polisi Islam Pakistan yang umum dan sekaligus tidak menimbulkan keresahan di antara masyarakat Islam Syiah dan Sunnah serta di antara komuniti Syiah dengan kerajaan?

Ketegangan yang muncul di antara mazhab Sunnah-Syiah ini telah mencetuskan keganasan dalam sejarah satu-satunya negara Islam ini. Antaranya, kejadian rusuhan Sunnah-Syiah di Karachi pada 22 Februari dan 29 Mac 1983 yang mengorbankan 12 nyawa dan ia kemudiannya merebak ke Punjab dan Baluchistan.²⁴⁷ Dalam usaha Zia untuk meredakan perbalahan Sunnah-Syiah, beliau telah mengecualikan pengutipan cukai ke atas golongan Syiah. Namun, tuntutan

²⁴⁶ Saleem Qureshi, "The Politics of the Shia Minority in Pakistan", dlm. Dhirendra Vajpeyi dan Yogendra K. Malik (eds.), *Religious and Ethnic Minority Politics in South Asia*, New Delhi : Manohar, 1989, hlm. 126.

²⁴⁷ Mumtaz Ahmad, "Pakistan", hlm. 236-237.

pengaplikasian undang-undang *syariah* yang menyeluruh dalam negara oleh para *ulama* telah menyebabkan pengecualian itu ditarik balik. Ternyata manifesto kerajaan Pakistan yang diasaskan daripada mazhab Sunnah, pengapi-apian ucapan anti-Syiah, penulisan *ulama* Sunnah, dan Islamisasi kerajaan yang tidak teratur memburukkan lagi keadaan. Selain rusuhan dan keganasan, tentangan kelompok Syiah ini telah melahirkan pertubuhan-pertubuhan yang mencabar kewibawaan *syariah* sebagai sumber perundangan Pakistan. Antara pertubuhan politik ini seperti *Tehrik-e-nafaz-e-fiqh-e-Jafaria* (TNFJ) yang pertama kalinya mengemukakan enam tuntutan terhadap kerajaan Zia atas alasan bahawa kepercayaan Pakistan telah menjadi Sunnah ataupun Hanafi (kalangan *ulama* Sunnah). Selain itu, muncul juga *Anjuman Sipah-e-Sahaba* (ASS) yang mempunyai pertalian erat dengan *Jamaat-i-ulama-e-Islam* (JUI) yang dibawa daripada sekolah pemikiran Deobandi serta kemunculan *Jamaat-i-ulama-Pakistan* (JUP) yang membawa aliran sekolah pemikiran Barelvi.²⁴⁸

Keadaan tegang antara kedua mazhab ini telah mendapat perhatian umum. Akhbar *Pakistan Times* pada 3 May 1983 telah melaporkan :

“When we say that the country’s law will be brought into confirmity with the Holy Quran, every Muslim knows the book referred to, but when we say *Sunnah* (the example of the Prophet and the first two – or fore some the first four – Caliph) we cannot point out any book acceptable to the *ummah* (community as a safe, secure and current authority). So far as the matter remains up to an individual’s faith it does not effect others but when a faith is converted into a law, that will effect the *ummah* as a whole. The situation will continue...until the government (can) provide a universality accepted book of sunnah.”²⁴⁹

²⁴⁸ <http://www.idsa-india.org/an-dec8-2.html>, hlm.7.

²⁴⁹ Ian Talbot, *Pakistan : A Modern History*, hlm. 270.

Dalam mengatasi pertembungan dua mazhab ini, Majlis Agama Islam telah menubuhkan satu jawatankuasa yang ahli-ahlinya terdiri daripada 3 orang *ulama* Sunnah dan 3 orang *ulama* Syiah. Jawatankuasa ini ditubuhkan dengan tujuan untuk merangka undang-undang yang dapat menjamin keharmonian kedua-dua mazhab. Bagaimanapun, mereka gagal dalam mencapai sebarang resolusi kerana masing-masing dikatakan sering mempertahankan unsur-unsur atau doktrin-doktrin tertentu yang lebih kecil berbanding dengan isu masa depan Islam Pakistan itu sendiri.²⁵⁰

Selain menghadapi perselisihan antara mazhab, kepimpinan Zia ul Haq juga terpaksa berdepan dengan golongan Ahmadiyah yang telah diwartakan sebagai minoriti bukan Islam semasa kekacauan di Punjab pada tahun 1953. Pergerakan Ahmadiyah telah mengugut kerajaan pada 11 April 1984 melalui momentum mereka iaitu ‘mereka akan mengambil tindakan langsung selepas 30 April’ (Zia ul Haq dalam proses mengadakan Persidangan Islam di Islamabad) sekiranya tuntutan mereka untuk muncul semula tidak diberikan. Bertindak balas ke atas tuntutan ini, Zia ul Haq telah menggelar golongan Ahmadiyah sebagai ‘hipokrit’ semasa satu siaran televisyen di Pakistan. Beliau juga turut memberi amaran kepada kumpulan ini supaya tidak menyebarkan ajaran mereka di kalangan penduduk Islam. Tindakan selanjutnya dikenakan apabila Zia ul Haq mengumumkan Ordinan anti-Ahmadiyah, Ordinan (Larangan dan Hukuman) 1984 dan memerintahkan penangkapan *ulama* yang terlibat dengan kumpulan *Khatm-i-Nabuwat* ini.²⁵¹ Zia ul Haq juga menstatuskan golongan Ahmadiyah atau Qadiani ini sebagai sesuatu yang kotor. Beliau telah mengeluarkan

²⁵⁰ John L. Esposito, “Pakistan : Quest for Islamic Identity”, hlm. 155.

²⁵¹ Saleem Qureshi, “The Politics of the Shia Minority in Pakistan”, him. 94-95.

kenyataan ini di Persidangan *Khatm-i-Nabuwat* atau ‘Pesuruh Yang Terakhir’ di London pada Ogos 1988 iaitu :

“to persevere in our efforts to ensure that the Cancer of Qadianian is exterminated.”²⁵²

Isu Ahmadiyah ini bagaimanapun kerap-kali menimbulkan persoalan mengapa ia sering menjadi tumpuan kerajaan sedangkan terdapat kumpulan-kumpulan lain yang sepatutnya dikenakan tindakan yang sama oleh kerajaan kerana menyeleweng daripada ajaran Quran dan Sunnah seperti kumpulan Baha’i, Ismaili, Zikri, dan puak Chitral. Logiknya persoalan ini menemui jawapannya kerana kumpulan ini tidak pernah mengugat keamanan negara seperti yang dilakukan oleh kelompok Ahmadiyah yang mencetuskan kekacauan di Punjab pada tahun 1953 hingga tahun 1954 dan Kejadian Rabwah pada tahun 1974 yang akhirnya membawa kepada pelaksanaan Ordinan anti-Ahmadiyah 1984. Dikatakan Zia ul Haq juga tidak dapat menolak tekanan para *ulama* di atas isu Ahmadiyah ini kerana para *ulama* kebanyakannya adalah ahli *Jamaat-i-Islami* yang merupakan penyokong terkuat pemerintahannya.²⁵³

Selain berhadapan dengan pertembungan mazhab dan golongan minoriti, pemerintahan Zia ul Haq juga telah mendapat tentangan terkuat yang datangnya daripada seorang hakim bersara mahkamah tinggi iaitu B. A. Kaikaus. Kes yang dibentangkan oleh beliau pada September 1979 di Mahkamah Tinggi Syariah Cawangan Lahore telah mendakwa bahawa sistem politik semasa Pakistan iaitu demokrasi bukanlah bersifat keislaman kerana ia tidak mempunyai asas al-Quran.

²⁵² Christina Lamb, *Waiting for Allah : Pakistan’s Struggle for Democracy*, hlm. 273.

²⁵³ *Jamaat-i-Islami* adalah penentang terkuat sistem sekular barat dan merupakan pemikir agama tradisi yang berpegang teguh kepada ajaran al-Quran dan al-Sunnah. Pertubuhan ini juga menolak Liga Muslim yang dikatakan tidak Islam sepenuhnya. Zia ul Haq adalah pengikut kumpulan ini dan menjadikan Abul Ala al-Maududi yang merupakan pemimpin kumpulan ini sebagai idolanya.

Tambahnya lagi, sistem pemerintahan tradisi Islam yang mengandungi pemerintah (*amir*) dan Majlis Perundangan (*Shura*) tidak diperlukan dalam mengawal kerajaan atau pemerintahan.²⁵⁴

Kebangkitan terhadap kesedaran Islam dan dasar Islamisasi Zia ul Haq ini ditunjangi oleh pertubuhan *Jamaat-i-Islami* sebagai langkah untuk mewujudkan Pakistan yang tulen berdasarkan asas penubuhannya. Perbezaan pendapat bagaimanapun terjadi ke atas prioriti, metod, skop, dan keberkesanan reformasi Islam itu. Kritikan mula timbul daripada kumpulan pemikir Islam yang menyatakan reformasi Islamisasi tidak berkesan, tidak meluas, dan terlalu cepat. Mereka juga melahirkan sikap skeptisma terhadap keikhlasan dan komitmen agensi yang menjalankan pengimplementasian dasar Islamisasi itu.²⁵⁵ Apabila Jeneral Zia menyatakan Pakistan akan pupus tanpa Islam, ia bukanlah apa yang sebenarnya dimaksudkan. Apa yang cuba disampaikannya adalah tanpa kuasa tentera, Pakistan tidak boleh diwujudkan seperti sebelumnya.²⁵⁶

Kritikan terhadap rejim keseluruhannya adalah atas dakwaan bahawa proses Islamisasi yang dilaksanakan di Pakistan hanyalah sebagai percubaan oleh kerajaan tentera pimpinan Zia ul Haq untuk mengeksplotasi sentimen agama di kalangan penduduk. Mereka juga mendakwa bahawa Zia memanipulasi simbol Islam dan institusi Islam untuk mengekalkan kekuasaannya dan mengawal kebangkitan pihak pembangkang. Jika ditinjau dari sudut pandangan jangka masa panjang, program Islamisasi Zia tidak dapat mengubah kehidupan penduduk Pakistan. Pengenalan

²⁵⁴ John L. Esposito, "Pakistan : Quest for Islamic Identity", hlm. 156.

²⁵⁵ Mumtaz Ahmad, "Pakistan ", hlm. 236.

²⁵⁶ Tariq Ali, Can Pakistan Survive : The Death of a State, hlm. 159.

zakat, *ushr* dan *riba* misalnya, tidak dapat mengatasi pembahagian pendapatan yang adil. Institusi *ihtisab* (perakaunan) yang bertindak sebagai perantara masyarakat dan kerajaan juga tidak dapat mengatasi masalah korupsi kementerian kerana pengurusannya yang lemah. Malahan, pelaksanaan Undang-Undang Hukuman Islam tidak dapat menyelesaikan masalah jenayah yang semakin meningkat sejak tahun 1979.²⁵⁷

Kesan pengimplementasian Islam ini turut menyumbang kepada rasa tidak puas hati rakyat terhadap kerajaan. Pengenalan sistem ekonomi Islam seperti *zakat*, *ushr* dan *riba* memerlukan perancangan yang teliti supaya ia tidak mengganggu pertumbuhan ekonomi Pakistan. Kebanyakan masyarakat Islam berpendapat bahawa *zakat* adalah anugerah peribadi yang melibatkan urusan di antara mereka dengan Allah sahaja. Tambahan pula, mereka sendiri yang berhak menentukan kepada siapa ia patut diagihkan. Penduduk juga mempersoalkan hak kerajaan untuk memaksa pengutipan sedangkan korupsi yang berlaku dalam politik dapat memberi kesan kepada pengedaran tabungan ini.²⁵⁸

Kerajaan Zia boleh dikatakan tidak berjaya dalam menarik perhatian penduduk Pakistan kecuali atas isu kredibiliti. Rakyat sentiasa beranggapan bahawa agama sebagai perkara yang berkait dengan amalan sukarela dan bukan sebagai polisi undang-undang mandatori. Dalam keadaan yang sama, parti-parti agama tradisionalis juga berhadapan dengan masalah kekurangan pengundi. Islam yang rasmi dan Islam yang popular adalah dua benda yang berbeza. Islam yang rasmi adalah untuk

²⁵⁷ Mumtaz Ahmad, "Pakistan", hlm. 236.

²⁵⁸ John L. Esposito, "Pakistan : Quest for Islamic Identity", hlm. 155.

mengawal keadilan sosial manakala, konsep Islam yang popular adalah satu kod kehidupan yang meletakkan keadilan sosial di tangan manusia. Matlamat orang Islam bukanlah sekadar melaksanakan tugas-tugas Islam seperti sembahyang dan berpuasa yang dikenakan oleh kerajaan. Apa yang mereka harapkan adalah peluang untuk hidup lebih baik seperti memperolehi hak-hak istimewa yang diberikan kepada sesetengah golongan elit. Walau apapun, penekanan ekonomi Islam oleh negara adalah tidak bersesuaian dengan kedudukan sosioekonomi sebenar yang telah menyebabkan berlakunya penentangan besar-besaran terhadap rejimentasi agama.²⁵⁹

Kepimpinan Zia telah membawanya terjerumus dalam konflik komuniti *ulama* dan kumpulan Zikri. Kumpulan Zikri²⁶⁰ adalah kelompok masyarakat terbesar di Makran yang merupakan pengikut Syed Muhammad Mahdi yang dianggap sebagai Imam Mahdi. Kelompok ini berpusat di Baluchistan dan cuma disedari oleh *ulama* tentang kewujudan mereka pada tahun 1978. Golongan ini telah menolak *khatm-e-Nubuwat* (Pesuruh Yang Terakhir) iaitu Nabi Muhammad s.a.w. Para *Ulama* telah menggesa kerajaan supaya mengumumkan kelompok ini sebagai minoriti bukan Islam seperti yang dilakukan ke atas golongan Ahmadiyah kerana telah terpesong daripada ajaran al-Quran. Namun, tuntutan ini tidak dihiraukan oleh Zia ul Haq yang lebih menumpukan kepada pengimplementasian program Islamisasi dalam pemerintahan.

²⁵⁹ Mowahid H. Shah, "Pakistan, Islam, and the Politics of Muslim Unrest", hlm. 61.

²⁶⁰ Dikenali juga sebagai kumpulan *Zikrana* yang melakukan amalan berzikir (ucapan-ucapan mengingati Allah) sahaja. Mereka tidak mempunyai amalan sembahyang dan institusi keagamaan seperti masjid. Selain itu, amalan haji hanya dilakukan di *Koh-e-Murad* di Bandar Turbat, Makran. Kepercayaan mereka yang ortodok menyatakan bahawa Syed Muhammad Mahdi adalah penterjemah al-Quran.

Reaksi Masyarakat Antarabangsa

Kepimpinan Zia ul Haq tidak hanya berhadapan dengan reaksi masyarakat tempatan namun, ia juga melibatkan hubungan antarabangsa antaranya dengan Soviet Union, Amerika Syarikat, India, dan China. Hubungan ini muncul kerana berlakunya Perang Dingin di Eropah yang menyaksikan kebangkitan dua kuasa besar dunia iaitu Soviet Union dan Amerika Syarikat. Pertembungan ini telah mempengaruhi situasi di Pakistan dan negara yang bersempadan dengannya iaitu Afghanistan. Amerika syarikat telah mencari isu untuk menguasai Pakistan dan begitulah Soviet Union di Afghanistan.

Melihat kepada hubungan Afghanistan-Soviet, ia telahpun bermula sebelum tahun 1979 lagi. Pakistan yang telah menutup pintu masuknya dari Afghanistan pada tahun 1950, 1955, dan 1960 telah memberikan ruang kepada Afghanistan untuk membangunkan kuasa pertahanannya. Pada masa ini, Afghanistan telah menerima bantuan ekonomi dan teknikal daripada Soviet. Pasukan tenteranya dilengkapi dengan alatan peperangan daripada Soviet dan kakitangan pertahanan serta jurutekniknya juga dilatih di Soviet. Pada tahun 1966, Soviet membina lebuh raya melalui Oxus dari sempadan Urbekistan ke bandar-bandar utama Afghanistan dan sebagai balasannya pengeluaran minyak dari kawasan *Mazar-e-Sharif* telah dibekalkan untuk kegunaan penduduk Urbekistan. Sehingga tahun 1967, sebanyak 50% perdagangan Afghanistan adalah dengan Soviet Union dan pada tahun 1970-an,

lapangan terbang dan stesen hidro elektrik yang dibina di Afghanistan adalah melalui bantuan yang dihulurkan oleh Soviet Union.²⁶¹

Tujuan sebenar Soviet memasuki Afghanistan adalah kerana sempadan di utara Afghanistan yang sepanjang 300 batu itu mempunyai sumber bekalan minyak yang banyak.²⁶² Bagi Amerika Syarikat pula, untuk menerima bekalan minyak daripada Afghanistan samalah seperti menerima kehadiran musuh tradisinya iaitu Soviet Union. Justeru, strategi yang terbaik untuk mengekang kemaraan Soviet ke Afghanistan adalah melalui bantuan yang diberikan kepada Pakistan.²⁶³ Bagaimanapun, Soviet mendakwa kemasukan mereka ke Afghanistan kerana hasrat penduduk yang mahukan pemerintahan rejim sosialis dan menolak sebarang hubungan dengan negara luar yang lain. Dakwaan ini bagaimanapun dipertikaikan berdasarkan jumlah pelarian yang semakin bertambah meninggalkan negara untuk memasuki Pakistan semasa era pemerintahan mereka.²⁶⁴

Soviet Union dalam mengawal tekanan Amerika Syarikat, telah membuat kenyataan bahawa mereka tidak bercadang untuk menguasai Pakistan sebagaimana yang dilakukan terhadap Afghanistan. Ini dikatakan kerana strategi jangka panjang Soviet telah melihat perkembangan ekonomi dan politik Pakistan akan membawa seluruh Pakistan ke dalam kekuasaan mereka. Soviet juga tidak berniat untuk memberi sebarang tindak balas terhadap situasi di Baluchistan yang membolehkan

²⁶¹ Muhamad Asghar Khan, General in Politics : Pakistan 1958-1982, hlm. 198-199.

²⁶² Ibid.

²⁶³ Pada tahun 1954, Pakistan telah menandatangani Perjanjian Pertahanan Bersama dengan Amerika Syarikat yang menjadikannya ahli kepada Organisasi Keselamatan Asia Selatan (SEATO) dan CENTO. Perjanjian ini meletakkan Pakistan dalam pengaruh Amerika Syarikat.

²⁶⁴ Muhamad Asghar Khan, General in Politics : Pakistan 1958-1982, hlm. 201.

Amerika Syarikat terus menjadi penyokong terkuat rejim Zia atau mengambil inisiatif sendiri dalam kawasan itu.²⁶⁵

Keputusan Zia yang memihak kepada *mujahidin* (pelarian Islam) Afghanistan jika dilihat dari sudut ideologi, merupakan perjuangan *jihad* yang mendapat sokongan daripada parti *Jamaat-i-Islami*. Kemasukan lebih 3 juta *mujahidin* Afghanistan ini menjadikan Pakistan sebagai tapak penentangan mereka terhadap Soviet Union dan komunisma di Afghanistan.²⁶⁶ Selain menyokong golongan *mujahidin* Islam,²⁶⁷ Zia juga menggalakkan pembentukan 7 parti *Penshawar* (berasaskan perikatan) dengan membekalkan senjata kepada kumpulan-kumpulan tersebut. Antara parti yang diwujudkan adalah *Hezb-i-Islami Afghanistan* (Afghanistan Islamic Party).²⁶⁸

Situasi di Afghanistan telah memberikan kelebihan kepada kepimpinan Zia di Pakistan. Beliau telah mendapat sokongan negara-negara Islam yang lain dan juga daripada agensi bantuan antarabangsa. Republik presiden Reagan di Amerika Syarikat telah melihat pemerintahan Zia sebagai satu keuntungan yang boleh dimasukkan ke dalam program globalisasi mereka. Zia ul Haq juga mendapat sokongan dari negara-negara Timur Tengah dan bantuan ketenteraan serta ekonomi daripada Amerika Syarikat.²⁶⁹ Ternyata ketakutan terhadap penguasaan Soviet tidak

²⁶⁵ Ibid, hlm. 179.

²⁶⁶ <http://www.luptravel.com/country-guide-study/pakistan/pakistan145.html>, hlm. 1.

²⁶⁷ Agensi keselamatan Pakistan iaitu 'Army's Directorate for Inter-Services Intelligence' mengawal, menasihat, dan memberi bantuan kepada golongan *mujahidin* Afghanistan. Selain itu, komando daripada Kumpulan Perkhidmatan Khas tentera Pakistan dihantar ke Afghanistan untuk memberikan bantuan ketenteraan.

²⁶⁸ Ian Talbot, *Pakistan : A Modern History*, hlm. 268.

²⁶⁹ Presiden Reagan telah menyumbangkan US \$3.2 bilion kepada Pakistan untuk membangunkan ekonomi dan ketenteraannya dalam tempoh 6 tahun. Bantuan kewangan kedua diumumkan kemudiannya pada tahun 1986 yang berjumlah US \$4.0 bilion dengan sejumlah 57% darinya untuk bantuan ekonomi.

terlintas dalam fikiran pemimpin Pakistan itu kerana adanya bantuan dan sokongan Washington.²⁷⁰

Bagaimanapun, kemasukan lebih daripada 3 juta pelarian Afghanistan hasil daripada penglibatan Pakistan telah menyebabkan timbulnya pelbagai masalah dalam negara. Pakistan berhadapan dengan pertandingan kerja di antara penduduk tempatan dan pelarian serta aliran keluar belanjawan negara melalui bantuan perlindungan yang diberikan ke atas mereka. Pendatang juga dipertanggungjawabkan atas kejadian yang berlaku seperti rusuhan di Karachi pada tahun 1985 dan tahun 1986. Di NWF dan Baluchistan sahaja terdapat 200 ribu pelarian Afghanistan. Mereka juga dituduh sebagai penyebab timbulnya tekanan etnik di wilayah Sind dan di antara masyarakat Pushtun dan Baluch di Baluchistan.²⁷¹ Pada tahun 1987, lebih kurang 90% daripada 777 kejadian keganasan direkodkan di Pakistan yang dikatakan berpunca daripada kegiatan golongan *mujahidin* ini.²⁷² Keadaan-keadaan yang wujud ini telah menyebabkan kepimpinan Zia dikritik hebat oleh National Awamy Party (ANP) dengan dakwaan bahawa penglibatan Zia hanyalah hasrat untuk meransang kuasa beliau melalui jaminan ketenteraan dan bantuan ekonomi dari barat.²⁷³

Bantuan ekonomi dan ketenteraan yang diberikan kepada Pakistan dengan menggunakan situasi di Afghanistan adalah tujuan Amerika Syarikat untuk menjatuhkan Soviet. Amerika Syarikat tidak mahu melihat pengaruh Soviet

²⁷⁰ Di bawah program bantuan Amerika Syarikat, Pakistan telah membeli pesawat pejuang F-16, menambahkan bilangan kereta perisai M-48, misil tentera laut Harpoon, helikopter, dan senjata. Dalam tempoh penerimaan bantuan daripada Amerika Syarikat selama empat tahun sahaja, ternyata jumlah tentera udara Pakistan meningkat kepada 12%, iaitu daripada 428,000 orang kepada 478,000 orang.

²⁷¹ Muhamad Asghar Khan, *General in Politics : Pakistan 1958-1982*, hlm. 265.

²⁷² <http://www.luptravel.com/country-guide-study/pakistan/pakistan145.html>, hlm. 1.

²⁷³ Ian Talbot, *Pakistan : A Modern History*, hlm. 267.

meningkat di Baluchistan dengan aggapan bahawa komunisma Soviet tidak akan mampu menembusi sistem feudal yang sedia wujud dalam masyarakat Baluch.²⁷⁴

Salah satu alasan Zia untuk menerima bantuan Amerika Syarikat kerana beliau ingin mengimbangi kebangkitan nasionalisma penduduk Baluch di wilayah Baluchistan. Kaum Baluch adalah penduduk majoriti di Baluchistan yang merupakan wilayah terbesar di Pakistan. Pada tahun 1970, National Awamy Party yang terdiri daripada 4 suku kaum iaitu Punjab, Pathan, Sind dan Baluch telah memenangi 3 daripada 4 kerusi yang dipertandingkan di peringkat Perhimpunan Agung dan 8 daripada 20 kerusi di daerah Baluchistan. Penduduk Baluch yang berpegang kuat dengan nilai bangsanya tidak dapat menerima pemerintahan daripada pemimpin bukan berbangsa Baluch. Keadaan ini mengakibatkan berlakunya penentangan demi penentangan yang menyebabkan tindakan ketenteraan dikenakan di Baluchistan sejak tahun 1973. Pada tahun 1981, telah ditubuhkan ‘Great Powers Policy’ dengan bantuan ketenteraan daripada Amerika Syarikat untuk membendung situasi penduduk Baluch ini.²⁷⁵

Meninjau hubungan Pakistan dengan negara yang bersempadan dengannya iaitu India, tidak pernah menemui jalan penyelesaian. Usaha Zia untuk menjernihkan hubungan kedua-dua negara ini seringkali menemui kegagalan. Pada tahun 1981, Zia menawarkan perjanjian ‘Tiada Peperangan’ dengan India dan mencadangkan ‘kawasan bebas nuklear’ tetapi ditolak oleh India. Ini dikatakan kerana bantahan India terhadap pembelian kapal pejuang F-16 oleh Islamabad dan segala pakej

²⁷⁴ Muhammad Asghar Khan, General in Politics : Pakistan 1958-1982, hlm. 178.

²⁷⁵ Ibid, hlm. 178.

bantuan yang diberikan oleh presiden Reagan kepada Pakistan tidak diendahkan. Pada Jun 1984, telah berlakunya pertembungan tentera India dan Pakistan di kawasan Siachen Glacier yang terletak di utara Kashmir. Ketegangan juga wujud oleh latihan ketenteraan besar-besaran India melalui ‘Operation Brass Tacks’ yang dilakukan di sempadan Pakistan semasa musim sejuk pada tahun 1986-1987.²⁷⁶

Pertembungan India dan Pakistan semasa era kepimpinan Zia wujud kerana Zia telah mengumumkan Kashmir sebagai sebahagian dari wilayah Pakistan berdasarkan majoriti penduduk Islamnya. Ini merupakan isu paling ideal untuk kempen Zia bagi mengembalikan Kashmir ke atas penubuhannya iaitu Islam. Isu Kashmir juga menjadi slogan yang berguna untuk mengingatkan penduduk tentang perjuangan mendapatkan kemerdekaan Pakistan sebagai sebuah negara Islam. Apabila pasukan tentera India memasuki sempadan Kashmir pada tahun 1984, presiden Azad Kashmir telah memanggil perjuangan *jihad* dari negara Islam yang lain untuk membebaskan Kashmir, dan Pakistan bertindak balas dengan menghantar pasukan tenteranya untuk membantu Kashmir.²⁷⁷

Dalam menyaksikan hubungan India dan Pakistan yang tidak berkesudahan sehingga kini, hubungan sebaliknya pula berlaku di antara Pakistan dan China. China yang tidak menjalankan hubungan yang harmoni dengan India lantaran perang sempadan yang berlaku antara kedua-dua negara pada tahun 1962 telah memberi peluang kepada Pakistan untuk mendapatkan sekutu baru. Pakistan dan China telah memeterai perjanjian sempadan bersama-sama. Hasil daripada hubungan ini, telah

²⁷⁶ Ian Talbot, Pakistan : A Modern History, hlm. 268.

²⁷⁷ Mohammad Asghar Khan, General in Politics : Pakistan 1958-1982, hlm. 210.

terbinanya jalan perhubungan di antara bandar Xinjian, China hingga ke kawasan utara Pakistan. China secara diplomatik telah memberikan sokongan kepada Pakistan pada tahun 1965 dan 1971 ketika berlakunya perperangan India dan Pakistan dengan membekalkan bantuan ekonomi dan ketenteraan. Pada tahun 1980-an, China bersama-sama dengan Amerika Syarikat telah memberikan bantuan ekonomi dan ketenteraan kepada Pakistan melalui skim bantuan pelarian Afghanistan dengan tujuan untuk mengurangkan tekanan Soviet Union.²⁷⁸

Program Islamisasi yang dijalankan oleh Zia ul Haq telah mendapat tentangan yang hebat daripada penduduk tempatan dan juga masyarakat antarabangsa. Atas alasan memperjuangkan agama dan masyarakat Islam, Pakistan tanpa disedari telah terlibat dalam konflik antarabangsa dan penguasaan negara oleh Amerika Syarikat. Zia yang sebelum ini menganggap barat sebagai pembawa idea sekular kepada kepimpinan negara ternyata terpesong daripada prinsipnya dengan menerima bantuan demi bantuan daripada Amerika Syarikat.

Penglibatan beliau dengan situasi di Afghanistan bukanlah membawa kebaikan kepada negara sebaliknya mencetuskan pelbagai keganasan kaum di Pakistan. Selain itu, atas alasan tanggungjawab untuk membela nasib penduduk Islam di Kashmir yang diperintah oleh minoriti Hindu, sekali lagi Zia ul Haq telah membawa negara Pakistan ke dalam kancah pertembungan politik dengan negara yang bersempadan dengannya iaitu India. Konflik yang berpanjangan ini ternyata tidak menguntungkan negara tetapi memburukkan lagi hubungan diplomatiknya dengan India dan hubungan di antara penduduk Islam dan Hindu.

²⁷⁸ <http://www.iuptravel.com/country-guide-study/pakistan/pakistan132.html>, hlm. 1.